



19 Jun 2024
19 June 2024
P.U. (A) 162

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG
(AMALAN UNDANG-UNDANG BERKUMPULAN)
(PINDAAN) 2024

*LEGAL PROFESSION (GROUP LAW PRACTICE)
(AMENDMENT) RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG
(AMALAN UNDANG-UNDANG BERKUMPULAN) (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 77 Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Majlis Peguam, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan Undang-Undang Berkumpulan) (Pindaan) 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 20 Jun 2024.

Pindaan kaedah 3

2. Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan Undang-Undang Berkumpulan) 2018 [*P.U. (A) 142/2018*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam perenggan 3(1)(a), dengan menggantikan perkataan “lima peguam bela dan peguam cara” dengan perkataan “tujuh peguam bela dan peguam cara”.

Pindaan kaedah 4

3. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan memotong subkaedah (3); dan

(b) dengan menomborkan semula subkaedah (4) sebagai subkaedah (3).

Pindaan kaedah 5

4. Subkaedah 5(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “subkaedah 4(4)” dengan perkataan “subkaedah 4(3)”.

Pindaan kaedah 6

5. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 6 dengan kaedah yang berikut:

“Cawangan amalan undang-undang berkumpulan

6. Suatu amalan undang-undang berkumpulan boleh mempunyai satu atau lebih cawangan, dengan syarat bahawa—

- (a) premis bagi cawangan amalan undang-undang berkumpulan hendaklah didaftarkan dengan Majlis Peguam; dan
- (b) setiap firma dalam amalan undang-undang berkumpulan hendaklah mempunyai cawangan firma di premis yang dirujuk dalam perenggan (a) dan cawangan firma itu hendaklah didaftarkan dengan Majlis Peguam.”.

Dibuat 29 Mei 2024

[BC/CEN/M/16 (BC/PA/S/80/2024); PN(PU2)314/JLD.22]

MOHAMAD EZRI BIN ABDUL WAHAB
Pengerusi Majlis Peguam

Diluluskan 31 Mei 2024

[BC/CEN/M/16 (BC/PA/S/80/2024); PN(PU2)314/JLD.22]

DATUK AHMAD TERRIRUDIN BIN MOHD SALLEH
Peguam Negara

LEGAL PROFESSION ACT 1976

LEGAL PROFESSION (GROUP LAW PRACTICE) (AMENDMENT) RULES 2024

IN exercise of the powers conferred by section 77 of the Legal Profession Act 1976 [*Act 166*], the Bar Council, with the approval of the Attorney General, makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Legal Profession (Group Law Practice) (Amendment) Rules 2024**.

(2) These Rules come into operation on 20 June 2024.

Amendment of rule 3

2. The Legal Profession (Group Law Practice) Rules 2018 [*P.U. (A) 142/2018*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in paragraph 3(1)(a), by substituting for the words “five advocates and solicitors” the words “seven advocates and solicitors”.

Amendment of rule 4

3. Rule 4 of the principal Rules is amended—

(a) by deleting subrule (3); and

(b) by renumbering subrule (4) as subrule (3).

Amendment of rule 5

4. Subrule 5(1) of the principal Rules is amended by substituting for the words “subrule 4(4)” the words “subrule 4(3)”.

Amendment of rule 6

5. The principal Rules are amended by substituting for rule 6 the following rule:

“Group law practice branch

6. A group law practice may have one or more branches, provided that—
- (a) the premises of the branch of the group law practice shall be registered with the Bar Council; and
 - (b) each firm in a group law practice shall have a branch of the firm at the premises referred to in paragraph (a) and the branch of the firm shall be registered with the Bar Council.”

Made 29 May 2024

[BC/CEN/M/16 (BC/PA/S/80/2024); PN(PU2)314/JLD.22]

MOHAMAD EZRI BIN ABDUL WAHAB
Chairman of the Bar Council

Approved 31 May 2024

[BC/CEN/M/16 (BC/PA/S/80/2024); PN(PU2)314/JLD.22]

DATUK AHMAD TERRIRUDIN BIN MOHD SALLEH
Attorney General